

KAEDAH MENGURUS BAHAN SISA BIOLOGI. (Padankan)

Kategori bahan sisa	Contoh	Kaedah pengurusan
A	Bangkai, organ, sisa tisu haiwan	Dimasukkan ke dalam bekas yang disediakan khas bagi sisa tajam. Bekas ini tidak perlu disterilkan.
B	Peralatan tajam seperti picagari, jarum, kaca, scalpel dan lain-lain alat tajam yang boleh menyebabkan luka	Semua sisa cecair biologi mesti dinyahkontaminasi secara autoklaf sebelum dilupus.
C	Kultur kaldu atau medium cecair seperti darah	Dibungkus dengan rapi menggunakan bahan penyerap atau dibungkus dengan rapi di dalam beg plastik biobahaya dan disejukkbeu.
D	Sisa pepejal biologi seperti sarung tangan, kertas tisu, piring petri, bekas kultur plastik dan agar yang telah mengeras	Dibungkus dalam beg plastik biobahaya tahan autoklaf, disteril di dalam autoklaf dan dibuang ke dalam tong biobahaya.

KEMALANGAN DALAM MAKMAL (Drag and Drop)

Langkah mengurus
tumpahan bahan kimia am

Langkah mengurus
tumpahan merkuri


1. Maklumkan kepada guru.
2. Jadikan kawasan tumpahan kawasan larangan.
3. Tabur serbuk sulfur untuk menutupi tumpahan merkuri.
4. Hubungi pihak bomba.



1. Maklumkan kepada guru.
2. Jadikan kawasan tumpahan kawasan larangan.
3. Sekat tumpahan bahan kimia daripada merebak dengan menggunakan pasir.
4. Kaut tumpahan bahan kimia dengan menggunakan alat yang sesuai.
5. Buang dengan selamat.



1.3 BERKOMUNIKASI DALAM BIOLOGI



KAEDAH UMUM MELUKIS GRAF

- Pemboleh ubah bergerak balas diwakili oleh paksi menegak (paksi-y) dan pemboleh ubah dimanipulasikan diwakili oleh paksi mendatar (paksi-x).
- Skala pada paksi harus seragam.
- Tanda titik dengan simbol yang sesuai seperti 'x'.
- Tajuk untuk graf: "Graf (pemboleh ubah bergerak balas) melawan (pemboleh ubah dimanipulasikan)".

Berdasarkan graf, isikan maklumat dalam jadual di bawah.

Tajuk	:	
Pemboleh ubah dimanipulasikan	:	
Pemboleh ubah bergerak balas	:	

1.4 PENYIASATAN SAINTIFIK DALAM BIOLOGI

A	Merancang dan menjalankan penyiasatan saintifik
B	Membina hipotesis
C	Mengumpul data
D	Menginterpretasi data dan keputusan melalui penaakulan saintifik
E	Mengenal pasti masalah yang boleh diuji dengan penyiasatan saintifik
F	Membuat kesimpulan
G	Mengenal pasti dan mengawal pemboleh ubah serta kaedah pengumpulan data
H	Menulis laporan

Susun langkah penyiasatan saintifik mengikut turutan dengan betul.

